



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

**PEMBANTU PAMERAN (D.3 EB.4-5)  
BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. PEMBANTU PAMERAN  
BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH  
JABATAN PERDANA MENTERI  
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC/BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang *Graphic Design / Interior Design / Interior and Furniture Design* atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.
2. Berpengalaman dalam melaksanakan tugas projek pameran yang diadakan adalah satu kelebihan.
3. Boleh bertutur dan menulis dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada Pegawai Pameran dan Ketua Unit Pameran;
2. Membantu Pegawai Pameran dalam melaksanakan kerja-kerja projek pameran;
3. Bertanggungjawab dalam membantu mengendalikan tugas-tugas projek pameran dan teknikal seperti menyediakan *design* bagi galeri-galeri pameran;
4. Membuat kerja-kerja yang berkaitan dengan *graphic design* dan *interior design* yang diperlukan bagi Unit Pameran;
5. Membuat kerja-kerja rekaan dalam bentuk digital mengikut rekaan yang bersesuaian dengan kesenian Islam; dan
6. Menerima arahan dari Ketua Bahagian dan Ketua Jabatan apabila dikehendaki dari semasa ke semasa.